



Sifat Wudhu Nabi

Berniatlah untuk wudhu di dalam hati kemudian katakan: "Bismillah", kemudian terus membasuh kedua-dua telapak tangan.




1

Kemudian, ambillah air dengan telapak tangan kanan lalu berkumurlah dengannya, lalu keluarkan kumuran. Kemudian, masukkan air ke dalam rongga hidung «istinsyak», lalu keluarkan air dari hidung lalu memicit hidung dengan jari telunjuk dan ibu jari.





2

3. Kemudian, basuhlah muka. Pastikan ianya merangkumi sepanjang kawasan bermula daripada anak rambut kepala sehingga penghujung dagu dan janggut, juga kawasan di antara hujung telinga kanan hingga telinga kiri.




3

Kemudian basuhlah tangan dari hujung jari hingga ke siku; bermula dengan tangan kanan kemudian tangan kiri.




4

Kemudian, basuh keseluruhan kepalanya menggunakan kedua tangan; bermula dari bahagian depan kepalanya hingga ke belakang leher, lalu kembali semula ke tempat awalnya.




5

Kemudian, masukanlah kedua-dua jari telunjuk ke dalam kawasan terbuka kedua-dua telinga. manakala ibu jari membasuh bahagian luar telinga yang lainnya.



6



Kemudian, basuhlah kedua-dua kaki disertakan sekali kedua-dua buku lali,



7

- Hukum menambah lebih daripada kadar yang disyariatkan ?

Tidak boleh untuk menambah lebih daripada kadar yang disyariatkan dalam wudhu, seperti menambah lebih dari 3 kali basuhan, atau membasuh sehingga lengan iaitu lebih daripada kawasan siku, atau membasuh sehingga betis iaitu atas daripada buku lali, atau menambah basuhan leher ke dalam wudhu.



8

- Doa setelah selesai berwudhu :

"Aku bersaksi tiada tuhan yang layak disembah, melainkan hanyalah Allah, satu-satu-Nya sahaja tiada sekutu bagi-Nya, dan aku bersaksi bahawa Nabi Muhammad hanyalah hamba-Nya dan rasul-Nya."
Dalam al-Tirmidzi: "Ya Allah, jadikanlah aku tergolong dalam mereka yang sering bertaubat, dan jadikanlah aku antara orang yang bersih suci dari kekotoran."

9

- Pembatal-pembatal wudhu' :

- 1- Adanya sesuatu yang terkeluar dari qubul dan dubur, seperti membuang air kecil, membuang air besar atau kentut.
- 2- Hilangnya akal seperti tidur atau pengsan.
- 3- Makan daging unta.





10

Sifat Tayammum

Tayammum ialah : Menggantikan penggunaan air bersih kepada debu tanah, kerana tidak boleh menggunakan air untuk membasuh kesemuanya anggota wudhu atau sebahagian anggota, kerana ketiadaan air atau khuatir akan kemudharatan jika tetap menggunakan air.



1

Berniat untuk bertayammum di dalam hati, kemudian katakanlah "Bismillah", kemudian menepuk atas tanah dengan sekali tepukan, lalu menyapu keseluruhan wajahnya, lalu menyapu di belakang kedua-dua telapak tangan.



2

Tidak disyariatkan untuk membuka jari-jari ketika ingin menepuk ke atas debu tanah, dan tidak pula meratakan debu tanah antara jari-jari ketika menyapu telapak tangan.



3

Sifat mandi wajib

Berniat untuk mandi wajib di dalam hati, lalu katakanlah « Bismillah » secara perlahan. Kemudian ratakanlah air seluruh anggota badan, dan ratakan juga segala bahagian rambut dan juga anak rambut, juga disertakan dengan kumuran dan istinsyak «seperti yang diterangkan dalam bab wudhu.»

1

- Kewajiban mandi wajib :

- 1- Keadaan junub: Setelah keluarnya air mani setelah berjimak atau sebab yang lainnya, atau bertemunya kemaluan antara lelaki dan perempuan.
- 2- Keluarnya darah haid atau nifas.
- 3- Kematian, selain mati syahid.
- 4- Islamnya seorang kafir.

2

